

TUNTUTAN GANTI RUGI PENGHUTANG PECAH KONTRAK

Universiti Teknologi MARA
Kementerian Pengajian Tinggi

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Tuntutan ganti rugi terhadap Pemegang Biasiswa yang mungkir perjanjian (Penghutang Pecah Kontrak) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menentukan sama ada tuntutan ganti rugi penghutang pecah kontrak dilaksanakan mengikut perjanjian, prosedur kewangan, pekeliling akademik dan garis panduan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, UiTM sentiasa komited dalam usahanya menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025 serta melestarikan kecemerlangan organisasi dengan menawarkan biasiswa kepada kakitangannya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D dan Sarjana. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan tindakan tuntutan ganti rugi terhadap Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- hapus kira terhadap 86 penghutang pecah kontrak berjumlah RM6.23 juta;
- ganti rugi tidak dapat dituntut yang berjumlah RM1.26 juta kesan kelewatan melaksanakan proses tuntutan ganti rugi terhadap 20 penghutang pecah kontrak; dan
- potensi kehilangan hasil berjumlah RM51.08 juta kesan kelewatan tindakan tuntutan ganti rugi terhadap 239 penghutang pecah kontrak.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memastikan pekeliling, prosedur kerja dan kontrak yang berkuat kuasa dipatuhi, dilaksanakan dan dipantau dengan

- cekap dan berkesan bagi tuntutan ganti rugi ke atas Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak;
- menambah baik koordinasi, komunikasi dan pemantauan kerja antara Bahagian Kemajuan Kerjaya UiTM, Unit Kewangan Zon 2, Pejabat Bendahari dan Pejabat Penasihat Undang-undang UiTM sama ada diperingkat pelaksanaan atau pengurusan tertinggi berhubung tindakan perundungan dan kutipan semula Wang Awam; dan
 - Memastikan pekeliling dan kontrak tuntutan ganti rugi ditambah baik antaranya menerangkan secara terperinci prosedur kerja bagi pemberhentian tindakan undang-undang terhadap penghutang pecah kontrak yang tamat pengajian di luar tempoh pengajian yang sepatutnya.